

**FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN
UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN**

ASPIRASI

EDISI 2, 2025

ISSN : 2735-0525

**GREEN IS THE NEW "GOLD":
PELABURAN ESG DALAM DUNIA
YANG SEMAKIN PANAS**

**SYED NORHAIMI SYED ZIN:
Mengubah Persepsi
Pertanian Malaysia**

**TRANSFORMASI PEMBELAJARAN
DALAM ERA DIGITAL**

**Generasi Z:
Merentas Evolusi
Pembelajaran dan Dunia
Pekerjaan**

Syed Norhaimi Syed Zin: Petani Moden yang Mengubah Persepsi Pertanian Malaysia

“Usia bukan penghalang kejayaan,” sebuah motto yang menjadi pegangan hidup.

**HAFISAH YAAKOB,
WAN NORMILA MOHAMAD,
JAMILAH MOHD MAHYIDEEN,
NURHANANI AFLIZAN MOHAMAD RUSLI**

PENULIS



Syed Norhaimi Syed Zin, 60 tahun, merupakan seorang usahawan tani yang berjaya membuktikan bahawa bidang pertanian moden mampu menjanjikan masa depan yang cerah. Berasal dari Pulau Tawar, Jerantut, beliau ialah anak peneroka Felda Sungai Tekam yang telah meniti pelbagai pengalaman sebelum memilih untuk menumpukan sepenuh perhatian kepada pertanian. Dengan semangat gigih, kesungguhan, serta keinginan belajar secara berterusan, beliau kini dikenali sebagai salah seorang petani moden yang menjadi rujukan masyarakat. Bagi sesetengah orang, usia adalah alasan untuk berehat. Namun bagi Syed Norhaimi, usia hanyalah angka. Baginya, “Usia bukan penghalang kejayaan,” sebuah motto yang menjadi pegangan hidup. Sejarah hidup beliau adalah kisah tentang keberanian mencuba, jatuh bangun dalam dunia pertanian, dan akhirnya berdiri teguh sebagai seorang petani moden yang disegani.

Akar Kehidupan: Dari Felda ke Dunia Pertanian

Dilahirkan dalam keluarga peneroka di Felda Sungai Tekam, Syed Norhaimi menghabiskan zaman kanak-kanaknya dengan suasana kampung yang penuh dengan kehidupan ladang. Pendidikan formal beliau berakhir dengan SPM, namun semangat menimba ilmu tidak pernah pudar. Sebelum bergelar petani sepenuh masa, beliau meniti pelbagai pengalaman kerjaya. Antara jawatan terakhir yang pernah disandang ialah Penyelia Ladang Unit Biakklon Sawit, diikuti dengan jawatan sebagai Pegawai Pemasaran RISDA (Kopjet) antara tahun 2005 hingga 2009. Namun, jiwa dan minat beliau sentiasa condong kepada dunia pertanian. Maka bermulalah satu perjalanan panjang, berliku, tetapi penuh dengan warna-warni pengalaman.

Dari Salak ke Strawberry: Eksperimen Awal

Langkah awal beliau bermula dengan kebun salak sekitar tahun 1990. Dengan 1000 pokok, tanaman ini diusahakan hampir tiga dekad sehingga tahun 2020. Walaupun mencabar, pengalaman ini membentuk daya tahan dan kefahaman mendalam tentang ilmu pertanian.

Tidak berhenti di situ, Syed Norhaimi beralih kepada penanaman strawberi di Taman Seri Embun antara tahun 2015 hingga 2018. Mengusahakan lebih 1000 pasu strawberi, projek ini menarik perhatian media. Beliau mendapat liputan akhbar Utusan Malaysia dan New StraitsTimes, dengan jolokan “Little Cameron”. Walaupun akhirnya dihentikan akibat serangan parasit pada tanaman, pengalaman ini menjadi batu loncatan untuk mencuba bidang baharu.



Varieti anggur yang diusahakan oleh beliau ialah Jupiter, Dixon, Baikonor, Ninel, Krasotka, Velez, Jubilee, Heliodor, Lorano, Transfiguration, Rumba, Faith, Golden Musqat, Everest dan Monte Cristo



Peternakan: Dari Lobster ke Arnab Pedaging

Syed Norhaimi juga tidak takut bereksperimen dalam bidang peternakan. Beliau pernah menternak lobster air tawar menggunakan tangki air dari tahun 2015 hingga 2017. Namun, masalah kawalan pH air menyebabkan anak benih mati, dan projek ini terpaksa dihentikan.

Selepas itu, beliau beralih kepada peternakan arnab pedaging (2018–2021). Permintaan pasaran ada, tetapi kos makanan yang semakin meningkat menjadi cabaran besar. Walaupun projek ini tidak bertahan lama, ia menambah lagi koleksi pengalaman berharga dalam dunia agropreneur.

Kejayaan Emas: Dunia Lebah Kelulut & Anggur

Jika ditanya apa yang benar-benar mengangkat nama Syed Norhaimi, jawabannya adalah lebah kelulut dan anggur.

Sejak tahun 2012, beliau giat menternak lebahkelulut, menghasilkan madu yang mendapat permintaan tinggi. Namun, bintang utama perjalanan hidupnya ialah anggur.

Bermula sebagai hobi pada 1990 dengan tiga pasu vine grape variati Isabela yang masam, kini beliau mula serius menanam table grape (anggurmanis) pada tahun 2019 yang terkenal di negara-negara beriklim sederhana.

Keunikan anggur ini ialah ia mula berbunga seawal 6–7 bulan selepas ditanam, dengan hasil masak dalam 3–4 bulan. Pokok anggur mampu berbuah sehingga tiga kali setahun, namun Syed Norhaimi memilih dua kali setahun demi kelestarian pokok. Lebih menarik, satu pokok mampu menghasilkan sehingga 100 gugusan buah apabila matang, dan

berpotensi hidup hingga 500 tahun!

Kejayaan ini bukan sahaja menepis persepsi bahawa anggur tidak sesuai ditanam di iklim tropika, malah menjadikan beliau sebagai pelopor yang membuka mata masyarakat Malaysia.

Pengiktirafan & Liputan Media

Kejayaan Syed Norhaimi menanam anggur di Malaysia mendapat perhatian ramai. Tanaman beliau dilawati oleh Pengarah Pertanian Negeri Pahang sebanyak tiga kali. Projek anggur beliau di Pusat Pertanian Temin, Jerantut sejak 2020 juga membuktikan kejayaan inovasi ini.

Beliau pernah menjadi tetamu jemputan di radio THR Geger Pantai Timur, muncul dalam berita wilayah di TV1, serta rancangan Nona TV3. Kehadiran pelawat ke kebunnya juga luar biasa – pernah mencecah 1000 orang serentak pada musim perayaan, sehingga mendapat liputan akhbar Sinar Harian.



Cabaran & Pengalaman Pahit

Namun, kejayaan tidak datang tanpa air mata. Syed Norhaimi pernah mengalami kerugian besar seperti:

1. Projek lobster air tawar gagal kerana faktor teknikal.
2. Tanaman strawberi musnah akibat serangan parasit.
3. Peternakan arnab pedaging tidak dapat menampung kos makanan.
4. Tanaman anggur pula sering diganggu kera, burung, dan cuaca buruk.

Tetapi beliau tidak pernah berhenti. Baginya, kegagalan adalah guru terbaik.

Sumbangan kepada Masyarakat

Ilmu tidak disimpan sendiri. Syed Norhaimi aktif berkongsi pengalaman melalui kursus penanaman anggur di Pusat Pertanian Temindan Taman Seri Embun. Usaha ini membantu ramai belia dan petani kecil memulakan langkah dalam bidang pertanian moden.

Inspirasi & Pesanan

Bagi Syed Norhaimi, kejayaan bukan sekadar hasil tuaian, tetapi keberanian untuk mencuba, jatuh, dan bangun semula. Pesan beliau jelas:

“Terus berusaha, terus gigih walau apajua rintangan yang dihadapi.”

Kisah beliau membuktikan bahawa walaupun pendidikan formal terhenti pada tahap SPM, ilmu boleh ditimba melalui pengalaman, kursus, dan eksperimen tanpa henti.

Bagi pembaca yang ingin mengikuti lebih dekat aktiviti pertanian dan perkongsian pengalaman beliau, Syed Norhaimi turut berkongsi perkembangan kebunnya melalui platform media sosial. Video pendek mengenai tanaman anggur, kelulut serta aktiviti pertanian lain boleh ditonton di akaun TikTok beliau :

<https://www.tiktok.com/@anggurdarulmakmur?t=7S-8z3c7kJ2I2z&r=1>

Manakala perkongsian gambar dan maklumat tambahan boleh diikuti melalui laman Facebook beliau [Syed Norhaimi BenYahya].

Penutup

Syed Norhaimi Syed Zin adalah lambang petani moden Malaysia – seorang yang berani melangkaui sempadan, menukar skeptis kepada realiti, dan membuktikan bahawa pertanian mampu menjadi bidang yang bernilai tinggi. Dalam setiap kegagalan, beliau menemui kekuatan baharu. Dalam setiap kejayaan, beliau menanam inspirasi untuk generasi akan datang.



Gambar sekitar Majlis perasmian Kebun Anggur oleh Dato' Seri Syed Ibrahim Syed Ahmad Exco Kerajaan Negeri Pahang pada 26hb Januari 2024.

